

Rabu – 16 September 2020

Halaman : 26

Heli bawa makanan

Orang Asli terperangkap akibat banjir terima bekalan makanan



ANGGOTA bomba dan Ab Aziz (tengah) memuatkan bekalan makanan dalam helikopter Unit Udara JBPM untuk dihantar ke Pos Gob.

Oleh Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menggunakan sebuah helikopter untuk menghantar bekalan makanan kepada 169 keluarga Orang Asli yang terperangkap dalam banjir lumpur di Pos Gob di sini, semalam.

Kira-kira 500 penduduk perkampungan itu terputus

bekalan makanan sejak banjir lumpur melanda, jam 1 pagi Sabtu lalu.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara JBPM Pangkalan Subang, Peno-long Penguasa Bomba Mohd Farhan Marzuki berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) jam 8 pagi semalam.

"Helikopter berlepas dari Pangkalan Udara Subang jam 9 pagi (semalam) dan tiba di pekarangan Balai

Bomba dan Penyelamat Gua Musang jam 10.10 pagi.

"Helikopter mengambil bungkus makanan di balai bomba itu sebelum berlepas ke Pos Gob jam 10.45 pagi," katanya.

Mohd Farhan berkata, secara keseluruhan, pihaknya akan menghantar 2.5 tan makanan ke Pos Gob.

Katanya, penerbangan membabitkan tujuh kru diketuai juruterbang, Peno-long Kanan Penguasa Bom-ba Khirul Nizam Jamaluddin

dan dibantu penolong juruterbang, Timbalan Penguasa Bomba II Mohd Hasrizal Kamarulzaman.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nenggiri Ab Aziz Yusof berkata, pihaknya menyediakan keperluan makanan untuk penduduk Pos Gob.

"Kita tidak boleh hantar keperluan makanan melalui jalan darat kerana terputus hubungan, pada masa sama, jambatan juga runtuh," katanya.

LAPORAN Harian Metro, semalam.